KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN

RESKILLING & UPSKILLING CENTRE

EDISI 2025

POLYCC
RUC RESKILLING, UPSKILLING CENTRE

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

© Hakcipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada buku ini yang boleh disiar– terbitkan semula dalam sebarang bentuk dan dengan apa cara sekalipun termasuklah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin bertulis daripada Penerbit dan Pemilik Hakcipta Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Garis Panduan Pengiktirafan : *Reskilling & Upskilling Centre [RUC]*
Edisi 2025

e ISBN 978-629-7548-29-6

Terbitan Pertama 2025
© Perpustakaan Negara Malaysia, 2025

Diterbitkan oleh :
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi,
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4W,
Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 Putrajaya.

GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN

RESKILLING & UPSKILLING CENTRE

EDISI 2025

ISI KANDUNGAN

Sidang Redaksi..... i
Kata-kata Aluan Penaung..... ii
Kata-kata Aluan Penasihat I..... iii
Kata-kata Aluan Penasihat II..... iv
Tujuan..... v

1.0 Pendahuluan..... 1
2.0 Perancangan..... 9
3.0 Model Pengoperasian RUC..... 12
4.0 Rubrik Pengiktirafan..... 14

GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN

RESKILLING & UPSKILLING CENTRE

SIDANG REDAKSI

PENAUNG
Dato' Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail

PENASIHAT
En. A. Azman bin Arshad

KETUA PENYELIDIK RUC
Ts. Dr. Mohd Syahrizad bin Elias

PENYELARAS PENULISAN, PENERBITAN & EDITOR
En. Azwansyah bin Zulkifli
En. Muhamad Ali bin Romizan

PENYELIDIK & PENULIS
(Model Pengoperasian Asas & Rubrik Pengiktirafan)
Ir. Mohd Zaidi bin Che Mod
Dr. Norashady bin Mohd Noor
Ts. Dr. Mohd Hafizil bin Mat Yasin
Ir. Ts. Mohd Azriman bin Mat Ali
Ts. Mohd Firdauz bin Mhd Radzi

PENYELIDIK & PENULIS
(Kata Aluan, Pendahuluan & Perancangan)
En. Azwansyah bin Zulkifli
En. Muhamad Ali bin Romizan

PEREKABENTUK
Pn. Nusaibah binti Nasharuddin
Pn. Rafidah binti Suib

GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN

RESKILLING & UPSKILLING CENTRE

KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim,

Segala puji bagi Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, garis panduan ini berjaya diterbitkan sebagai dokumen rujukan penting bagi pelaksanaan dan pengiktirafan Reskilling and Upskilling Centre (RUC) di institusi di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

RUC merupakan inisiatif strategik yang digariskan dalam Pelan Transformasi Pendidikan TVET JPPKK ke arah memperkukuh peranan institusi pendidikan sebagai pusat pembangunan modal insan masa depan yang responsif dan relevan. Melalui garis panduan ini, institusi diberikan panduan yang jelas mengenai kriteria dan keperluan untuk memperoleh pengiktirafan sebagai RUC yang berdaya saing dan berkualiti.

Saya percaya bahawa dengan pelaksanaan yang berterusan dan penambahbaikan berasaskan data serta maklum balas industri, RUC akan menjadi pemangkin kepada ekosistem pembelajaran sepanjang hayat yang inklusif dan adaptif. Harapan saya agar semua pihak melaksanakan amanah ini dengan penuh iltizam dan profesionalisme demi masa depan pendidikan teknikal negara yang lebih gemilang.

Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail
KETUA PENGARAH
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

KATA ALU-ALUAN PENGARAH
BAHAGIAN PERANCANGAN PROGRAM DAN INSTITUSI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



Alhamdulillah, dengan izin-Nya, Buku Garis Panduan Pengiktirafan Reskilling and Upskilling Centre (RUC) ini berjaya diterbitkan sebagai lanjutan kepada Buku Panduan Pelaksanaan RUC yang telah diperkenalkan sebelum ini. Buku ini digubal sebagai panduan pelaksanaan sistem penilaian dan pengiktirafan RUC secara sistematik, telus dan berasaskan piawaian yang telah ditetapkan.

BPPI komited untuk memastikan agar pelaksanaan inisiatif RUC tidak hanya menjadi satu bentuk intervensi jangka pendek, tetapi mampu membentuk institusi yang mempunyai keupayaan autonomi dalam menjana latihan semula dan peningkatan kemahiran berterusan yang sejajar dengan kehendak pasaran semasa dan masa depan.

Semoga garis panduan ini dapat menjadi rujukan utama kepada semua institusi dalam membina strategi dan infrastruktur yang mantap ke arah mencapai pengiktirafan sebagai RUC yang diiktiraf oleh JPPKK. BPPI merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada penghasilan dokumen penting ini.

En. A. Azman bin Arshad
PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN PROGRAM DAN INSTITUSI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

TUJUAN

Garis Panduan Pengiktirafan RUC POLYCC ini dibangunkan sebagai rujukan utama bagi memastikan kemampanan kecemerlangan pusat latihan strategik melalui modul / program dinamik, inklusif dan kalis masa depan yang responsif dengan keperluan industri semasa. Garis panduan ini diharap berupaya memandu RUC POLYCC ke arah mencapai dan mengekalkan kelestarian objektif penubuhan RUC sebagai pusat latihan pekerja industri yang relevan, dinamik, diiktiraf dan berimpak tinggi.



GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN

RESKILLING & UPSKILLING CENTRE

1.0 PENDAHULUAN

PENDAHULUAN


INDUSTRY EDUCATION COLLABORATION

Kolaborasi Industri-Pendidikan (IEC)

- Inisiatif Strategik: Meningkatkan pembangunan kompetensi berasaskan industri untuk bakat TVET melalui kerjasama antara Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK) dan industri.
- Matlamat: *Enhancing industry-based competency development* (TVET *Talents*)
- Struktur IEC:
  - *Centre of Technology* (COT): Pusat teknologi untuk pensyarah berperanan dalam meningkatkan kompetensi teknikal menerusi fasiliti, program serta industri berasaskan teknologi. Mempelopori "*technology champion*"
  - *Industry on Campus* (IOC): Pendekatan pedagogi terutamanya melalui persekitaran industri atau perkhidmatan perniagaan dunia sebenar
  - *Reskilling & Upskilling Centre* (RUC): Menumpukan kepada peningkatan dan penambahan kemahiran kerja industri

Pelan Transformasi Politeknik 2023 - 2035:

- Menubuhkan RUC di setiap politeknik sebagai pusat latihan kemahiran, peningkatan kemahiran, dan latihan kemahiran semula berdasarkan konsep Time Sector Privatisation (TSP) untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran bagi negara.



Model *Industry - Education Collaboration* (IEC)

KEUTAMAAN


INDUSTRY EDUCATION COLLABORATION (IEC)



Sangat responsif terhadap keperluan industri: Meningkatkan kebolehpasaran graduan.



Memperkasakan warga POLYCC: Melalui peningkatan kemahiran berterusan (lifelong learning).



Membina ekosistem pembelajaran berasaskan industri: Menggabungkan latihan, pensijilan dan kerjasama teknologi.



Menjadikan kampus sebagai platform industri: Melalui konsep seperti Industry on Campus dan Real-World Services.

PENDAHULUAN

RESKILLING & UPSKILLING CENTRE

Kolaborasi Industri-Pendidikan (IEC)

- Inisiatif Strategik: Meningkatkan pembangunan kompetensi berasaskan industri untuk bakat TVET melalui kerjasama antara Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK) dan industri.
-
- Matlamat:
  - *Reskilling & Upskilling Centre* (RUC): Menumpukan kepada peningkatan dan penambahan kemahiran kerja industri

3.1.1 Halatuju Transformasi

Inisiatif *reskilling dan upskilling* merupakan langkah strategik dalam membangunkan modal insan berkualiti tinggi dan memastikan daya saing negara terpelihara.

Rancangan Malaysia ke 12 (2021 - 2025)

Memperkukuhkan daya saing ekonomi Malaysia dengan memperbaharui kemahiran pekerja, memastikan pekerja bersedia menghadapi cabaran teknologi dan globalisasi masa depan.

Kerangka Ekonomi Madani

Memperkasa rakyat adalah wadah mengangkat semula darjat dan martabat negara ini dengan menstruktur semula ekonomi ke arah Malaysia sebagai peneraju ekonomi di rantau Asia Tenggara.

- Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR)
- Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030)
- Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMK12)

Memperkasa rakyat adalah wadah mengangkat semula darjat dan martabat negara ini dengan menstruktur semula ekonomi ke arah Malaysia sebagai peneraju ekonomi di rantau Asia Tenggara

Halatuju Transformasi Politeknik 2023 - 2035

- COT
- IOC
- RUC

Mencipta jenama Politeknik Malaysia sebagai Pusat *Reskilling* dan *Upskilling* pendidikan lanjutan.

VISI DAN MISI

RESKILLING AND UPSKILLING CENTRE [RUC]

VISI

Menjadi **pusat unggul** dalam **penyediaan latihan *reskilling* dan *upskilling***, memimpin perubahan dalam **pembangunan kemahiran** untuk menyokong pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat Malaysia.

MISI

Menggalakkan **sinergi berterusan dengan industri** dalam pembentukan RUC sebagai pusat latihan terkemuka **bagi peningkatan bakat dan tenaga kerja melalui penerapan teknologi, perundingan dan latihan bersepadu** untuk memenuhi cabaran semasa bagi meningkatkan daya saing negara dalam arena global.

OBJEKTIF

RESKILLING AND UPSKILLING CENTRE [RUC]

01 **Memastikan peluang kemajuan kerjaya yang luas bagi setiap peserta modul program.**



02 Menyediakan modul program yang bersifat fleksibel dan dapat disesuaikan.



03 **Mencapai kepelbagaian dan keterangkuman dalam penyediaan modul program.**



04 Mendorong budaya pembelajaran sepanjang hayat di kalangan pekerja.



05 **Menyediakan modul program yang menangani keperluan tenaga kerja masa hadapan.**



06 Membina dan memperkukuhkan hubungan antara politeknik dan industri untuk memastikan kesinambungan modul program dengan keperluan sektor industri.



KONSEP RUC POLYCC



TVET for All



Sinergi RUC dan Industri



Pensijilan diiktiraf



Pencapaian Gaji Progresif dan Premium



Fleksibiliti Program Latihan



Pemerkasaan IEC



Pembelajaran Sepanjang Hayat



Peningkatan Enrolmen

TERAS RUC POLYCC



1 PENGIKTIRAFAN BADAN PROFESIONAL & INDUSTRI

- Teras ini memfokuskan kepada program-program yang diiktiraf oleh badan profesional atau lembaga yang bertanggungjawab terhadap standard dan kualiti latihan dalam sektor-sektor industri tertentu.
  - Program kejuruteraan yang diiktiraf oleh Lembaga Jurutera Malaysia (BEM)
  - Kursus perakaunan yang diiktiraf oleh Malaysian Institute of Accountants (MIA)
  - Program latihan kemahiran teknikal yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)
- Pengiktirafan ini boleh datang dari dalam atau luar negara, seperti:
  - Kursus teknologi maklumat yang diiktiraf oleh CompTIA atau Cisco
- Program pengurusan projek yang diiktiraf oleh Project Management Institute (PMI)

2 PENGIKTIRAFAN PEMBANGUNAN KERJAYA

- Memfokuskan kepada perancangan dan kemajuan laluan kerjaya secara menyeluruh. Ia melibatkan aktiviti-aktiviti yang membantu individu merancang, membina, dan mengembangkan kerjaya mereka dalam jangka panjang.
  - Program mentoring di syarikat-syarikat besar seperti Petronas atau Maybank
  - Bengkel pembangunan kerjaya yang dianjurkan oleh Talent Corporation Malaysia
  - Program latihan kepimpinan yang ditawarkan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)


3 LATIHAN SEPANJANG HAYAT

- Merangkumi program-program yang tidak terhad kepada pendidikan formal sahaja, tetapi juga merangkumi pengalaman praktikal, kursus latihan, dan pembelajaran secara non-formal.
  - Kursus-kursus pendek yang ditawarkan oleh Akademi Binaan Malaysia (ABM) untuk pekerja industri pembinaan
  - Program latihan semula untuk pekerja kilang yang terjejas oleh automasi, seperti yang ditawarkan oleh Malaysian Investment Development Authority (MIDA)
  - Kursus dalam talian (MOOC) yang disediakan oleh platform seperti OpenLearning Malaysia atau Coursera yang bekerjasama dengan universiti tempatan

GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN

RESKILLING & UPSKILLING CENTRE

2.0 PERANCANGAN







=500K

SASARAN UNJURAN ENROLMEN POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI

RANCANGAN PERLAKSANAAN

RESKILLING AND UPSKILLING CENTRE [RUC]


4 **MATLAMAT UTAMA HALA TUJU TRANSFORMASI POLITEKNIK MENJELANG TAHUN 2035**

- **300,000** Enrolmen Politeknik
- **50%** daripada keseluruhan **Diploma TVET Awam Nasional**
- GE sentiasa di atas **95%**
- Purata Pendapatan Permulaan Graduan **RM 3,000 sebulan**

EKONOMI MADANI *Memperkasa Rakyat*







MALAYSIA MADANI

POLYCCOfficial
www.mypolycc.edu.my


POLYCC

RUC RESKILLING UPSKILLING CENTRE

"Reveal your Unlimited Competency and Capability"

RANTAIAN KEHADAPAN

RESKILLING AND UPSKILLING CENTRE [RUC]




GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN

RESKILLING & UPSKILLING CENTRE

3.0 MODEL PENGOPERASIAN ASAS

MODEL PENGOPERASIAN ASAS



INPUT
MATLAMAT & INISIATIF

HALATUJU TRANSFORMASI

RMK 12 (2021 - 2025) » Kerangka Ekonomi Madani

Transformasi Politeknik 2023 - 2035 (IOC, COT, RUC) «
- NETR
- NIMP 2030

PERANAN PEMEGANG TARUH

- Pekerja Industri
- Komuniti
- Pelajar
- Alumni
- Industri
- Staf/Pekerja - Staf Politeknik
- Badan Pentauliahan
- NGO
- Agensi

INISIATIF RUC DAN INDUSTRI

- **Institusi**
  - Menawarkan modul program yang fleksibel bagi mencapai skop dan objektif berteraskan kemahiran.
  - Perkongsian teknologi yang melibatkan industri semasa.
- **Industri**
  - Menilai modul program yang ditawarkan menepati keperluan industri semasa.
  - Kesediaan untuk perkongsian sumber daya semasa.

PROSES
TATAKELOLA

TUMPUAN PERTAMA : KOLABORASI DAN PENGIKTIRAFAN

- **Kolaborasi Industri.**
  - Penentuan kesepakaran RUC dan industri.
  - Kolaborasi Industri dan Institusi.
- **Pengiktirafan Kompetensi.**
  - Personel.
  - RUC.
- **Pengiktirafan Badan Profesional dan Industri**
  - Standard Kemahiran.
  - Sijil Pengiktirafan.

TUMPUAN KEDUA: INFRASTRUKTUR DAN PELAKSANAAN LATIHAN

- **Keperluan Infrastruktur Modul Program**
  - Ruang dan keperluan modul program.
  - Perluasan sumber dan fasiliti.
- **Modul Program.**

TUMPUAN KETIGA : PENGURUSAN KEWANGAN DAN PENJANAAN PENDAPATAN

- **Pengurusan Sumber Kewangan.**
  - Perancangan
  - Pemantauan aliran tunai
  - Pelaporan penyata kewangan.
  - Pengurusan risiko.
- **Dana Pembiayaan Modul Program.**
- **Penjanaan Pendapatan.**
  - Yuran (Fi).
  - Konsultasi kepakaran.
  - Tajaan korporat dan geran.

OUTPUT
KEBERHASILAN

PEMANTAPAN EKONOMI

- Gaji progresif dan premium.

SINERGI KOLABORASI RUC - INDUSTRI

- Industri yang berkolaborasi dari aspek pengembangan sumber dan fasiliti.

PEMBANGUNAN PROFESIONAL

- Program yang sejajar dengan standard dan keperluan industri semasa dan masa hadapan.

PEMBANGUNAN KERJAYA

- Program berasaskan perancangan kerjaya, bimbingan untuk mencapai matlamat kerjaya jangka panjang.

KEMAMPANAN INSTITUSI

- Kualiti dan pengiktirafan penawaran program, pembangunan modul dan keterlibatan alumni.

GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN

RESKILLING & UPSKILLING CENTRE

4.0 RUBRIK PENGIKTIRAFAN

ELEMEN 1 | KERANGKA RUBRIK PENARAFAN RUC: PENGURUSAN DAN PERANCANGAN

A. STRUKTUR UTAMA PENILAIAN

Komponen Utama	Perincian	Skor Maksimum
1. Struktur Organisasi	Carta organisasi rasmi, surat pelantikan jawatankuasa mesyuarat berkala yang direkodkan.	25
2. Perancangan Strategik	Dokumen pelan strategik, minit mesyuarat pelaksanaan, laporan tindakan, keselarasan dengan RMK12, NIMP 2030, NETR, Dasar TVET, dll.	25
3. SOP & Manual Operasi	Manual SOP yang diluluskan, carta alir kerja, SOP aktiviti: pendaftaran, pelaksanaan modul, pelaporan,	20
4. Pengurusan Risiko & Sumber	Matriks risiko, pelan mitigasi risiko, anggaran bajet tahunan, pelan sumber (tenaga pengajar, peralatan, ruang)	15
5. Pemantauan & Penilaian	Laporan pemantauan, senarai semak audit dalaman, analisis data program, pelan tindakan susulan.	15
JUMLAH		100

B. PENERANGAN KRITERIA

1. Struktur Organisasi RUC
Merujuk kepada kewujudan dan kejelasan struktur tadbir urus RUC, termasuk carta organisasi, peranan setiap jawatankuasa, dan bukti pelaksanaan fungsi seperti mesyuarat atau pelaporan. Struktur yang baik menunjukkan kesediaan dan kesungguhan institusi dalam menyokong operasi pusat RUC secara rasmi dan sistematik.

2. Perancangan Strategik RUC
Menilai sama ada pusat RUC mempunyai pelan strategik yang jelas merangkumi hala tuju, objektif, sasaran serta strategi pelaksanaan yang selaras dengan dasar-dasar nasional seperti RMK12, Dasar TVET Negara, Ekonomi MADANI dan keperluan industri. Pelan ini menjadi asas bagi pembangunan jangka panjang dan penyesuaian program.

3. SOP dan Manual Operasi
Merujuk kepada kewujudan dan penggunaan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan manual kerja bagi aktiviti utama RUC seperti pengurusan peserta, pemilihan kursus, pelaksanaan modul, pemantauan dan dokumentasi.

4. Pengurusan Risiko & Sumber
Menilai keupayaan RUC dalam mengenal pasti risiko yang mungkin memberi kesan kepada operasi dan perkhidmatan serta keupayaan merancang sumber dengan berkesan, termasuk tenaga kerja, kewangan dan peralatan. Pengurusan risiko yang baik membantu memastikan pelaksanaan program.

5. Pemantauan & Penilaian
Menilai sejauh mana RUC melaksanakan pemantauan sistematik ke atas pelaksanaan program serta bagaimana maklum balas, data atau laporan digunakan untuk penambahbaikan berterusan.

C. CADANGAN SKALA PENARAFAN

Skor	Tahap	Perincian
1	Lemah	Tiada elemen pengurusan yang tersusun atau dilaksanakan.
2	Minimum	Unsur pengurusan asas wujud tetapi tidak efektif
3	Sederhana	Pengurusan asas dengan pelaksanaan tidak menyeluruh
4	Baik	Struktur kukuh dan pelaksanaan memadai, tetapi kurang kawalan atau impak maksimum
5	Cemerlang	Pengurusan strategik menyeluruh, pelaksanaan dan pemantauan berkesan

D. PERINCIAN SKOR KOMPONEN

Bil	Komponen Penilaian	Skor Maksimum	Perincian Skor 1 (Lemah)	Perincian Skor 3 (Sederhana)	Perincian Skor 5 (Cemerlang)
1	Struktur Organisasi	25	Tiada struktur jelas dan fungsi tidak ditentukan	Struktur asas tersedia dengan agihan peranan minimum	Struktur lengkap, fungsi jelas dan dikemaskini dengan carta organisasi rasmi
2	Perancangan Strategik	25	Tiada pelan strategik atau tidak selaras dasar JPPKK	Pelan tersedia tetapi tidak dilaksanakan sepenuhnya	Pelan selaras dasar nasional, dilaksanakan dan dikaji secara berkala
3	SOP & Manual Operasi	20	Tiada SOP atau manual operasi	SOP asas disediakan tetapi pelaksanaan tidak konsisten	SOP lengkap, dikaji semula secara berkala dan dipatuhi sepenuhnya
4	Pengurusan Risiko & Sumber	15	Tiada pengurusan risiko atau perancangan sumber	Risiko dikenalpasti tetapi pelan mitigasi tidak menyeluruh	Risiko dan sumber diurus secara proaktif dan berasaskan data strategik
5	Pemantauan & Penilaian	15	Tiada sistem pemantauan pelaksanaan	Laporan berkala wujud tetapi tiada penambahbaikan dilaksanakan	Sistem pemantauan dan pelaporan aktif, disertai penambahbaikan berterusan

ELEMEN 2 | KERANGKA RUBRIK PENARAFAN RUC: PENGIKTIRAFAN

A. STRUKTUR UTAMA PENILAIAN

Komponen Utama	Perincian	Skor Maksimum
1. Pengiktirafan Industri	LoI/MoU/MoA/PPRN/Geran industri atau kerjasama formal dengan industri yang diiktiraf	25
2. Akreditasi & Pensijilan	Modul/program *RUC* diakreditasi oleh badan profesional atau agensi kebangsaan/antarabangsa	20
3. Reputasi & Jaringan	Keterlibatan aktif dalam jaringan industri, persidangan, atau media	15
4. Kepuasan Pelanggan	Penilaian tinggi oleh peserta (contoh: tinjauan/kaji selidik, testimoni, kadar penyertaan berulang)	15
5. Inovasi yang Diiktiraf	Penghasilan modul/produk yang memenangi anugerah atau menjadi rujukan industri	15
6.Dokumentasi Bukti	Rekod lengkap pengiktirafan (sijil, laporan media, surat sokongan industri)	10
JUMLAH		100

B. PENERANGAN KRITERIA

1. Pengiktirafan Industri
LoI/MoU/MoA/PPRN/Geran industri dengan syarikat ternama, anugerah industri, atau sijil penyertaan projek strategik.

2. Akreditasi & Pensijilan
Program RUC memenuhi standard kebangsaan (contoh: MQA) atau antarabangsa (contoh: ISO).

3. Reputasi & Jaringan
Kolaborasi dengan organisasi berpengaruh, penyertaan dalam forum, atau liputan media positif.

4. Kepuasan Pelanggan
Kadar penyertaan berulang >50%, skor survei kepuasan ≥4.5/5, atau testimoni bertulis.

5. Inovasi yang Diiktiraf
Modul/produk RUC memenangi anugerah atau dijadikan model oleh agensi lain.

6. Dokumentasi Bukti
Fail sistematik mengandungi sijil, laporan, atau surat pengesahan.

ELEMEN 2 | KERANGKA RUBRIK PENARAFAN RUC: PENGIKTIRAFAN

C. CADANGAN SKALA PENARAFAN

Skor	Tahap	Perincian
1	Lemah	Tiada bukti pengiktirafan atau dokumentasi.
2	Minimum	Ada 1-2 bukti pengiktirafan asas (contoh: MoU sederhana), tiada akreditasi.
3	Sederhana	Pengiktirafan dari 2-3 sumber, akreditasi awal, atau reputasi lokal.
4	Baik	Pengiktirafan pelbagai (industri + akreditasi), jaringan aktif, dan kepuasan pelanggan tinggi.
5	Cemerlang	Pengiktirafan kebangsaan/antarabangsa, inovasi diraikan, dan dokumentasi lengkap.

ELEMEN 2 | KERANGKA RUBRIK PENARAFAN RUC: PENGIKTIRAFAN

D. PERINCIAN SKOR KOMPONEN

Bil	Komponen Penilaian	Skor Maksimum	Perincian Skor 1 (Lemah)	Perincian Skor 3 (Sederhana)	Perincian Skor 5 (Cemerlang)
1	Pengiktirafan Industri	25	Tiada LoI/MoU/sijil	Ada 1-2 LoI/MoU/MoA/PPRN/Geran industri dengan industri sederhana	≥3 LoI/MoU/MoA/PPRN/ Geran industri dengan syarikat ternama/anugerah industri
2	Akreditasi & Pensijilan	20	Tiada akreditasi	1 program diakreditasi badan tempatan	≥2 program berakreditasi antarabangsa
3	Reputasi & Jaringan	15	Tiada jaringan/reputasi	Penyertaan dalam 1-2 forum tempatan	Jaringan global + liputan media nasional
4	Kepuasan Pelanggan	15	Skor tinjauan <3/5	Skor tinjauan 3.5-4/5, kadar penyertaan berulang 30%	Skor tinjauan ≥4.5/5, penyertaan berulang >70%
5	Inovasi yang Diiktiraf	15	Tiada inovasi	Ada 1 produk/modul diterima industri	Produk memenangi anugerah/rujukan industri
6	Dokumentasi Bukti	10	Tiada rekod	Dokumentasi tidak lengkap	Fail lengkap dengan sijil, laporan, dan surat sokongan

ELEMEN 3| KERANGKA RUBRIK PENARAFAN RUC: PENJANAAN PENDAPATAN

A.STRUKTUR UTAMA PENILAIAN

Komponen Utama	Penerangan Umum	Skor Maksimum
1. Jumlah Penjanaan Pendapatan Tahunan	Berdasarkan nilai RM terkumpul sepanjang tahun dari sumber sah (yuran, konsultansi, sewaan, geran dll.)	30
2. Kepelbagaian Sumber Pendapatan	Bilangan dan jenis sumber kewangan (contoh: industri, GLC, NGO, dana antarabangsa, penjualan produk/modul)	15
3. Kualiti Dokumentasi & Pelaporan Kewangan	Lengkap, audit-ready, mematuhi SOP JPPKK dan standard perakaunan	10
4. Keberkesanan Program/Modul Berbayar	% penyertaan, kadar tamat modul, penilaian peserta, dan rekod pengiktirafan industri	15
5. Impak Kepada Institusi & Masyarakat	Impak kepada pelajar, industri, komuniti serta peningkatan imej institusi	10
6. Inovasi Dalam Strategi Penjanaan Pendapatan	Kreativiti dalam penciptaan sumber baharu, model perniagaan atau perkongsian strategik	10
7. Kelestarian Kewangan	Trend positif pertumbuhan pendapatan untuk 3 tahun (jika ada), mekanisme kelestarian yang dibangunkan	10
JUMLAH		**100**

ELEMEN 3| KERANGKA RUBRIK PENARAFAN RUC: PENJANAAN PENDAPATAN

B. PENERANGAN KRITERIA

1. Jumlah Penjanaan
Nilai mutlak keseluruhan pendapatan – semakin tinggi, semakin tinggi markah.

2. Kepelbagaian Sumber
Semakin pelbagai dan kreatif sumber (bukan hanya bergantung pada yuran kursus), semakin tinggi skor.

3. Kualiti Dokumentasi:
Laporan kewangan harus kemas kini, terperinci, dan sah.

4. Keberkesanan Program:
Meliputi modul yang betul-betul berjalan lancar dan mendatangkan manfaat.

5. Impak Institusi/Masyarakat:
Termasuk sumbangan kepada pelajar B40, komuniti setempat, atau industri.

6. Inovasi Strategi:
Contoh: platform e-learning berbayar, francais modul, atau projek pelaburan industri.

7. Kelestarian:
Trend pertumbuhan tahunan, kestabilan hasil & pelan jangka panjang.

C. CADANGAN SKALA PENARAFAN

Setiap komponen boleh menggunakan skala 1–5 atau 1–10 dengan deskriptor jelas seperti:

Skor	Tahap	Penerangan
1	Lemah	Tidak menunjukkan bukti, atau tiada hasil
2	Minimum	Ada percubaan, hasil sangat terhad
3	Sederhana	Ada usaha & hasil nyata, tetapi tidak konsisten
4	Baik	Konsisten, pelbagai pendekatan, impak positif
5	Cemerlang	Strategik, impak besar, inovatif dan lestari

ELEMEN 3| KERANGKA RUBRIK PENARAFAN RUC: PENJANAAN PENDAPATAN

D. PERINCIAN SKOR KOMPONEN

Bil	Komponen Penilaian	Skor Maksimum	Perincian Skor 1 (Lemah)	Perincian Skor 3 (Sederhana)	Perincian Skor 5 (Cemerlang)
1	Jumlah Penjanaan Pendapatan Tahunan	30	Tiada atau sangat rendah (<RM10,000 setahun)	Pendapatan sederhana (RM50,001–RM100,000)	Lebih RM250,000 setahun dengan bukti lengkap
2	Kepelbagaian Sumber Pendapatan	15	Hanya 1 sumber pendapatan	2–3 jenis sumber (contoh: yuran + tajaan)	5+ sumber pendapatan dari pelbagai kategori
3	Kualiti Dokumentasi & Pelaporan Kewangan	10	Laporan tidak lengkap atau tiada dokumentasi	Laporan tersedia, ringkas dan cukup untuk audit	Laporan lengkap, kemas kini, audit-ready
4	Keberkesanan Program/Modul Berbayar	15	Modul tidak berjalan/tiada peserta	Modul dilaksanakan dengan baik, penyertaan sederhana	Modul sangat berjaya, peserta ramai, diiktiraf industri
5	Impak Kepada Institusi & Masyarakat	10	Tiada impak yang jelas	Iimpak positif kepada pelajar atau industri setempat	Memberi impak kepada institusi, pelajar & komuniti
6	Inovasi Dalam Strategi Penjanaan Pendapatan	10	Tiada strategi, meniru model lama	Ada idea baharu tapi pelaksanaan sederhana	Strategi inovatif dan menjadi model terbaik
7	Kelestarian Kewangan	10	Tiada trend pertumbuhan, tiada pelan jangka panjang	Ada sedikit pertumbuhan, pelan awal kelestarian wujud	Trend pertumbuhan 3 tahun, sistem kelestarian kukuh

ELEMEN 4| KERANGKA RUBRIK PENARAFAN RUC: KOMPETENSI PAKAR

A. STRUKTUR UTAMA PENILAIAN

Komponen Utama	Perincian	Skor Maksimum
1. Kualiti Tenaga Pengajar	Kelayakan, pengalaman, dan pensijilan pakar dalam bidang berkaitan	25
2. Kepelbagaian Kepakaran	Pelbagai bidang kepakaran yang ditawarkan (contoh: teknikal, pengurusan, digital)	20
3. Impak Kepada Peserta	Peningkatan kompetensi peserta berdasarkan penilaian pasca-program	20
4. Kolaborasi dengan Industri	Kerjasama aktif dengan industri dalam penyediaan khidmat kepakaran	15
5. Inovasi dalam Penyampaian	Penggunaan kaedah/modul terkini (contoh: *virtual reality* (VR), simulasi, pembelajaran	10
6. Dokumentasi & Sokongan	Rekod lengkap sesi kepakaran, bahan rujukan, dan sokongan pasca-program	10
JUMLAH		100

B. PENERANGAN KRITERIA

1. Pengiktirafan Industri
LoI/MoU/MoA/PPRN/Geran industri dengan syarikat ternama, anugerah industri atau sijil penyertaan projek strategik.

2. Akreditasi & Pensijilan
Program RUC memenuhi standard kebangsaan (contoh: MQA) atau antarabangsa (contoh: ISO).

3. Reputasi & Jaringan
Kolaborasi dengan organisasi berpengaruh, penyertaan dalam forum, atau liputan media positif.

4. Kepuasan Pelanggan
Kadar penyertaan berulang >50%, skor survei kepuasan ≥4.5/5, atau testimoni bertulis.

5. Inovasi yang Diiktiraf
Modul/produk RUC memenangi anugerah atau dijadikan model oleh agensi lain.

6. Dokumentasi Bukti
Fail sistematik mengandungi sijil, laporan, atau surat pengesahan.

ELEMEN 4| KERANGKA RUBRIK PENARAFAN RUC: KOMPETENSI PAKAR

C. CADANGAN SKALA PENARAFAN

Skor	Tahap	Perincian
1	Lemah	Tiada bukti kepakaran atau dokumentasi.
2	Minimum	Ada kepakaran asas tetapi terhad; tiada kolaborasi industri.
3	Sederhana	Kepakaran pelbagai dengan kesan sederhana; kolaborasi industri awal.
4	Baik	Tenaga pengajar berkualiti tinggi, kesan positif jelas, dan inovasi terhad.
5	Cemerlang	Kepakaran diiktiraf industri, kesan transformasi, dan pendekatan terkini.

ELEMEN 4| KERANGKA RUBRIK PENARAFAN RUC: KOMPETENSI PAKAR

D. PERINCIAN SKOR KOMPONEN

Bil	Komponen Penilaian	Skor Maksimum	Perincian Skor 1 (Lemah)	Perincian Skor 3 (Sederhana)	Perincian Skor 5 (Cemerlang)
1	Kualiti Tenaga Pengajar	25	Tiada pensijilan/pengalaman relevan	Ada pensijilan asas + pengalaman 3-5 tahun	| Pensijilan profesional + pengalaman >5 tahun + latihan pedagogi
2	Kepelbagaian Kepakaran	20	Hanya 1 bidang ditawarkan	2-3 bidang dengan modul asas	≥4 bidang dengan modul lanjutan & khusus industri
3	Kesan Kepada Peserta	20	Tiada penilaian/tiada peningkatan	Peningkatan kompetensi 10-20%	Peningkatan >30% + testimoni peserta/industri
4	Kolaborasi dengan Industri	15	Tiada kerjasama industri	1-2 sesi bersama industri	Projek berterusan + pakar industri sebagai fasilitator
5	Inovasi dalam Penyampaian	10	Kaedah konvensional (kuliah)	Penggunaan alat digital sederhana	VR/simulasi + pembelajaran berasaskan projek sebenar
6	Dokumentasi & Sokongan	10	Tiada rekod/bahan	Dokumentasi tidak lengkap	Bahan lengkap + platform sokongan dalam talian

***Nota**:* *Rubrik ini menilai keupayaan RUC dalam menyediakan khidmat kepakaran yang berkualiti, selari dengan komponen sedia ada seperti penjanaan pendapatan dan kemampanan. Skor boleh disesuaikan mengikut keperluan spesifik institusi.*

ELEMEN 5 | KERANGKA RUBRIK PENARAFAN RUC: KEMAMPANAN

A. STRUKTUR UTAMA PENILAIAN

Komponen Utama	Penerangan	Skor Maksimum
1. Model Operasi Jangka Panjang	Adanya pelan strategik, SOP dan pengurusan operasi RUC untuk tempoh ≥3 tahun	15
2. Kestabilan Kewangan	RUC menunjukkan aliran pendapatan yang stabil dan berterusan	15
3. Penawaran Modul Secara Konsisten	RUC mampu menjalankan program/modul berulang dengan konsisten setiap tahun	15
4. Perkongsian Strategik dengan Industri	Tahap keterlibatan dan komitmen jangka panjang industri (MoU, MoA, LoI)	15
5. Impak Jangka Panjang Terhadap Institusi	RUC menyumbang kepada pembangunan imej institusi, penarafan, dan pengiktirafan	10
6. Penyelenggaraan Infrastruktur & Fasiliti	Ada pelan penyelenggaraan, penambahbaikan dan pelaburan semula dalam fasiliti	10
7. Pembangunan Profesional Berterusan	Staf RUC mendapat latihan berterusan dan memperbaharui kompetensi	10
8. Dokumentasi & Pemantauan CQI	Adanya pemantauan berterusan, penambahbaikan (CQI), dan dokumentasi sistematik	10
JUMLAH		**100**

ELEMEN 5| KERANGKA RUBRIK PENARAFAN RUC: KEMAMPANAN

B. PENERANGAN PRINSIP PENILAIAN

1. Model Operasi
Adakah RUC ada dasar dan pelan jangka panjang (3–5 tahun) untuk kelestarian operasi?

2. Kewangan
Adakah pendapatan konsisten setiap tahun dan bergantung pada pelbagai sumber?

3. Modul
Adakah modul ditawarkan secara berterusan dan tidak terhenti?

4. Perkongsian Industri
Komitmen jangka panjang, bukan hanya kerjasama jangka pendek.

5. Impak Institusi
RUC beri sumbangan kepada KPI institusi secara langsung.

6. Fasiliti
RUC melabur semula dalam peralatan, ruang, dan sistem latihan.

7. Staf
Adakah pegawai RUC sentiasa memperbaharui ilmu, kompetensi dan pensijilan?

8. CQI
Wujud sistem semakan dan penambahbaikan berterusan berdasarkan data prestasi.

C. CADANGAN SKALA PENARAFAN


Skor	Tahap	Perincian
1	Lemah	Tiada bukti dokumentasi.
2	Minimum	Dokumentasi bagi setiap sub skop disediakan tetapi terhad
3	Sederhana	Dokumentasi bagi setiap sub skop disediakan tetapi tidak menyeluruh
4	Baik	Dokumentasi bagi setiap sub skop disediakan dengan baik dan teratur
5	Cemerlang	Dokumentasi bagi setiap sub skop disediakan dengan cemerlang, mudah difahami dan boleh dijadikan sebagai contoh

ELEMEN 5 | KERANGKA RUBRIK PENARAFAN RUC: KEMAMPANAN

D. PERINCIAN SKOR KOMPONEN

Bil	Komponen Penilaian	Skor Maksimum	Perincian Skor 1 (Lemah)	Perincian Skor 3 (Sederhana)	Perincian Skor 5 (Cemerlang)
1	Model Operasi Jangka Panjang	15	Tiada pelan strategik atau dokumen operasi; aktiviti ad hoc	Ada pelan strategik asas dan SOP jangka pendek (1–2 tahun)	Ada pelan operasi 3–5 tahun yang jelas dengan SOP lengkap
2	Kestabilan Kewangan	15	Pendapatan tidak stabil atau bergantung sepenuhnya pada satu sumber	Pendapatan stabil 1–2 tahun tapi belum kukuh	Pendapatan konsisten 3 tahun berturut-turut dari pelbagai sumber
3	Penawaran Modul Secara Konsisten	15	Modul hanya dijalankan sekali tanpa kesinambungan	Modul ditawarkan secara berkala tapi tidak semua modul aktif	Modul aktif secara tahunan dengan dokumentasi penuh
4	Perkongsian Strategik dengan Industri	15	Tiada kerjasama industri atau hanya sekali tanpa dokumentasi	Ada MoU/MoA jangka sederhana (1–2 tahun) dengan beberapa industri	Kerjasama industri jangka panjang yang aktif & berimpak tinggi
5	Impak Jangka Panjang Terhadap Institusi	10	Tiada kesan nyata kepada institusi	RUC memberi nilai tambah kepada imej jabatan/kampus	RUC menyumbang kepada penarafan institusi/kejayaan nasional
6	Penyelenggaraan Infrastruktur & Fasiliti	10	Tiada pelan penyelenggaraan atau fasiliti rosak/terabai	Ada penyelenggaraan berkala tapi terhad kepada keperluan segera	Fasiliti sentiasa dipelihara, dinaik taraf, dan ada pelaburan semula
7	Pembangunan Profesional Berterusan	10	Tiada latihan atau pembaharuan kompetensi staf	Staf menghadiri latihan umum tetapi tidak secara berkala	Staf RUC aktif memperbaharui kompetensi dan pensijilan
8	Dokumentasi & Pemantauan CQI	10	Tiada pemantauan, dokumentasi atau CQI	Ada rekod CQI tapi tidak konsisten dan kurang analisis data	CQI dilaksanakan secara sistematik, ada laporan dan tindakan susulan

KRITERIA PENGIKTIRAFAN RUC



RUJUKAN

PENARAFAN RESKILLING AND UPSKILLING CENTRE [RUC]

Gowrie Vinayan, Harikirishanan, D., & Siow May Ling. (2020). Upskilling and Reskilling the Workforce via Industry Driven Technical and Vocational Education and Training: Strategies to Initiate Industry/Institution Partnership in Malaysia.

Isa Mohd Daud, Tengku Mohd Tengku Azman, & Tuan Mohd Yasin Sharifah Nurulhuda. (2023). The Crucial Role of Polytechnics and Community Colleges in Overcoming Challenges to Empower TVET in Malaysia.

Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia. (2020). "Garis Panduan Pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)"

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. (2020). *Garis Panduan Pelaksanaan CENTRE OF TECHNOLOGY*.

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. (2023a). *EDISI 02_2023_GARIS PANDUAN IOC JPPKK*.

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. (2023b). *Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030*.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). (2018). "National Policy on Industry 4.0".

Kementerian Sumber Manusia. (2021). "Dasar TVET Negara"

Kementerian Ekonomi (2023). “Kertas Putih Cadangan Dasar Gaji Progresif”

Maria, M., Shahbodin, F., & Pee, N. C. (2018). Malaysian higher education system towards industry 4.0 – Current trends overview.

Garis Panduan Pengiktirafan

RESKILLING & UPSKILLING CENTRE RUC

EDISI 2025

GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN RESKILLING UPSKILLING CENTRE (RUC)

eISBN 978-629-7548-29-6

9 786297 548296

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

(online)



POLYCC

RUC RESKILLING & UPSKILLING CENTRE

RESKILLING & UPSKILLING CENTRE

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

MALAYSIA MADANI

POLYCCOfficial

www.mypolycc.edu.my

TVET MALAYSIA

POLYCC

eISBN 978-629-7548-29-6

9 786297 548296